

<b>Headline</b>	<b>10,000 uncang teh hijau beli mesin</b>
<b>MediaTitle</b>	<b>Utusan Malaysia</b>
<b>Date</b>	<b>19 Mar 2016</b>
<b>Language</b>	<b>Malay</b>
<b>Section</b>	<b>Dlm Negeri</b>
<b>Color</b>	<b>Full Color</b>
<b>Page No</b>	<b>31</b>



# 10,000 uncang teh hijau beli mesin

**KUALA LUMPUR 18 Mac** - Yayasan Kebajikan MAA Medicare berjaya mengutip sebanyak RM44,100 dalam tempoh empat bulan hasil daripada sumbangan orang ramai untuk membeli sebuah mesin dialisis.

Menariknya, kutipan itu dijayaikan menerusi cara yang unik dengan setiap rayuan derma disertakan peket uncang teh hijau hasil kerjasama sebuah syarikat, Roleaf Sdn. Bhd.

Ketua Pengarah Yayasan Kebajikan MAA Medicare, Datuk 'Aliyah Karen berkata, Roleaf yang merupakan syarikat pengeluar dan pengedar teh terkemuka menyediakan sebanyak 10,000 uncang teh hijau untuk diedarkan kepada para penyumbang.

Katanya, dalam tempoh itu, pihaknya telah mengedarkan bungkus teh hijau tersebut kepada 50 penderma termasuk dari Kota Bharu, Kelantan dan Johor Bahru bagi membeli sebuah mesin dialisis baharu bernilai RM42,000.

"Sumbangan berjumlah antara RM100 dan RM20,000 itu ber-



**HENRY HENG** menampal pelekat nama Roleaf pada bahagian mesin dialisis baharu bernilai RM42,000 yang mula digunakan Pusat Dialisis Amal MAA Medicare, Kuala Lumpur sejak dua minggu lalu.

jaya digunakan sebagai usaha menjadikan pemberian daripada seseorang kepada satu bentuk kebaikan lain yang diterima orang ramai," katanya kepada *Utusan Malaysia* selepas majlis penyerahan mesin tersebut di Pusat Diali-

sis MAA Medicare di Jalan Sultan Azlan Shah di sini.

Yang turut hadir Pengarah Roleaf, Henry Heng dan Pengurus Perubatan dan Latihan Pusat Dialisis Amal MAA Medicare, Azman Mohd. Sharif.